



**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT
(Chapter 157)**

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (INSTITUTE OF
MEDICINE) STATUTE, 2001**

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Citation.
2. Interpretation.
3. Establishment of Institute.
4. Objectives of Institute.
5. Amendment of objectives.
6. Board of Institute.
7. Functions of Board.
8. Dean of Institute.
9. Deputy Dean of Institute.
10. Honorary Medical Advisers.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT (Chapter 157)

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (INSTITUTE OF MEDICINE) STATUTE, 2001

In exercise of the power conferred by section 26 of the Constitution of Universiti Brunei Darussalam, the Chancellor of Universiti Brunei Darussalam hereby makes the following Statute -

Citation.

1. This Statute may be cited as the Universiti Brunei Darussalam (Institute of Medicine) Statute, 2001.

Interpretation.

2. In this Statute, unless the context otherwise requires -

“Board” means the Board of the Institute of Medicine established by clause 6;

“Constitution” means the Constitution of the University;

“Dean” means the Dean of the Institute;

“Institute” means the Institute of Medicine established by this Statute;

“medicine” includes all disciplines in medicine, all health services and medical sciences

Establishment of Institute.

3. The Institute of Medicine is hereby established as a Centre of the University under section 18(1) of the Constitution.

Objectives of Institute.

4. Subject to clause 5, the objectives of the Institute shall be -

- (a) to organise, promote, develop and undertake education and research in medicine at undergraduate and postgraduate level;
- (b) to organise and conduct postgraduate training programmes, seminars and workshops in medicine;
- (c) to organise and conduct postgraduate training programmes, seminars and workshops in medicine, in conjunction with approved medical institutions outside Brunei Darussalam;
- (d) to establish close association and collaboration with universities, research institutions and professional bodies in medicine within and outside Brunei Darussalam with the object of promoting and developing continuing education and research in medicine;
- (e) to publish bulletins, newsletters, journals and other literature with the object of promoting and developing advancement in medicine;
- (f) to co-ordinate with the relevant authorities in Brunei Darussalam in matters relating to advanced studies and research in medicine with the object of further improving patient-care and medical services in the country.

Amendment of objectives.

5. The Council may amend the objectives of the Institute set out in clause 4.

Board of Institute.

6. (1) There shall be a Board of the Institute which shall consist of -

- (a) the Vice-Chancellor;
- (b) the Dean, who shall be the Chairman;
- (c) the Deputy Dean;

- (d) the full-time professors and associate professors of the Institute, but not including visiting staff of those grades; *g*
- (e) the full-time lecturers and senior lecturers of the Institute who are confirmed in their posts, but not including visiting staff of those grades; and
- (f) such other persons, appointed by name or by office, as the Senate may appoint, who shall hold office for such terms as the Senate may determine.

(2) The Registrar and Secretary or his deputy shall be the secretary to the Board.

(3) The Board shall meet at least twice in a semester.

(4) The time, date, place and agenda of meetings shall be determined by the Chairman.

(5) In the absence or incapacity of the Chairman at any meeting or part of a meeting, the Deputy Dean, if an appointment has been made, shall preside at the meeting:

Provided that in the absence or incapacity of both the Chairman and the Deputy Dean, or if no appointment of a Deputy Dean has been made, then the members present at the meeting shall elect one from among themselves to preside at the meeting.

(6) The decision of the Board shall be by a simple majority of the members present and voting, and any decision shall be valid notwithstanding any vacancy among the members.

(7) The chairman or other person presiding at any meeting shall have an original vote and a casting vote.

(8) The quorum for any meeting shall be one-half of the total membership, any fraction remaining being disregarded.

(9) Minutes of meetings shall be submitted to the Senate.

Functions of Board.

7. The Board shall be responsible to the Senate for the organisation and undertaking of instruction and research in medicine within its purview and such other functions as may be conferred on it by statute or regulations, including the responsibility -

- (a) to formulate strategic teaching and research policies, plans and programmes in medicine;
- (b) to review and recommend to the Senate and Council the policies, plans and programmes of the Institute for instruction and continuing education and research in medicine;
- (c) to submit to the Senate and Council at the end of each academic year an annual report on the progress, achievements and activities of the Institute;
- (d) to appoint suitable persons qualified in medicine from outside the University as Honorary Fellows of the Institute to help in the planning, organisation and running of the programmes and activities of the Institute;
- (e) to promote relations and enter into affiliation agreements with medical institutions within and outside Brunei Darussalam so as to accomplish the educational and research policies of the Institute and to enhance the reputation and standing of the Institute;
- (f) to do all such acts and things as may be necessary to further continuing education and research in medicine in Brunei Darussalam;
- (g) to comply with and give effect to such directions, whether of a specific or general nature, as the Council, Senate or Vice-Chancellor may give.

Dean of Institute.

8. There shall be a Dean of the Institute appointed under section 19 of the Constitution who shall be responsible to the Vice-Chancellor and who shall -

- (a) be responsible for the administration of the Institute in accordance with the provisions of the Constitution, statutes and regulations of the University and such directions, as the Council, Senate or Vice-Chancellor may give;

- (b) be responsible for the organisation of instruction, subjects or programmes falling under the purview of the Institute;
- (c) interpret and ensure compliance of the policies and directions of the Council, Senate, Board or Vice-Chancellor, as the case may be;
- (d) prepare the annual estimates of revenue and expenditure of the Institute for submission to the Vice-Chancellor;
- (e) exercise such other powers as may be conferred upon him and shall discharge such other duties as may be imposed upon him by the Council, Senate, Board or Vice-Chancellor or by any statute or regulation.

Deputy Dean of Institute.

9. (1) The Vice-Chancellor may appoint one or more than one Deputy Dean under section 19 of the Constitution from among the full-time staff of the University.
- (2) The duties of the Deputy Dean shall be to assist the Dean in the administration of the Institute and to discharge such duties and responsibilities as may be delegated to him by the Dean.

Honorary Medical Advisers.

10. (1) There shall be a panel of honorary medical advisers appointed by the Board, made up of medically qualified persons from within Brunei Darussalam and from selected internationally acclaimed medical institutions outside Brunei Darussalam.
- (2) The honorary medical advisers may be called upon -
- (a) to provide assistance and guidance in getting placements of doctors from Brunei Darussalam for postgraduate training in foreign countries, where applicable;
 - (b) to advise and assist the Institute in setting up twinning programmes for postgraduate training;
 - (c) to attend meetings in Brunei Darussalam, as and when necessary, to discuss and plan postgraduate training programmes in Brunei Darussalam.

(3) The honorary medical advisers shall hold office for such terms as the Board may determine.

Made this 17th day of Jamadilakhir 1422 Hijriah corresponding to the 5th day of September 2001.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "J. I." followed by a stylized surname.

CHANCELLOR,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.



**AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(Penggal 157)**

**STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (INSTITUT
PERUBATAN), 2001**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Institut.
4. Tujuan Institut.
5. Pindaan tujuan.
6. Lembaga Institut.
7. Tugas-tugas Lembaga.
8. Dekan Institut.
9. Timbalan Dekan Institut.
10. Penasihat Perubatan Kehormat.



AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (Penggal 157)

STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (INSTITUT PERUBATAN), 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 26 dari Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam, maka Canselor Universiti Brunei Darussalam dengan ini membuat Statut yang berikut -

Gelaran.

1. Statut ini boleh digelar sebagai Statut Universiti Brunei Darussalam (Institut Perubatan), 2001.

Tafsiran.

2. Dalam Statut ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain -

“Dekan” bermakna Dekan Institut;

“Institut” bermakna Institut Perubatan yang ditubuhkan menurut Statut ini;

“Lembaga” bermakna Lembaga Institut Perubatan yang ditubuhkan menurut fasal 6;

“Perlembagaan” bermakna Perlembagaan Universiti;

“perubatan” termasuk segala disiplin perubatan, semua perkhidmatan kesihatan dan sains perubatan.

Penubuhan Institut.

3. Institut Perubatan adalah dengan ini ditubuhkan sebagai sebuah Pusat Universiti di bawah bab 18(1) dari Perlembagaan.

Tujuan Institut.

4. Tertakluk kepada fasal 5, tujuan-tujuan Institut adalah -
- (a) untuk mengelola, menggalak, mengembang dan menjalankan pengajian dan penyelidikan dalam perubatan pada peringkat ijazah pertama dan lepasan ijazah;
 - (b) untuk mengelola dan menjalankan program-program latihan lepasan ijazah, seminar dan bengkel dalam perubatan;
 - (c) untuk mengelola dan menjalankan program-program latihan lepasan ijazah, seminar serta bengkel dalam perubatan, bersama dengan institusi-institusi perubatan yang diluluskan di luar Negara Brunei Darussalam;
 - (d) untuk mengadakan perhubungan yang rapat dan kerjasama dengan universiti-universiti, institusi-institusi penyelidikan serta badan-badan profesional perubatan di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam dengan tujuan bagi menggalak dan mengembangkan pendidikan berterusan serta penyelidikan dalam perubatan;
 - (e) untuk menerbitkan buletin, surat berita, jurnal dan tulisan lain dengan tujuan untuk menggalak dan mengembangkan kemajuan dalam perubatan;
 - (f) untuk menyelaraskan dengan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan di Negara Brunei Darussalam mengenai perkara-perkara yang ada kaitan dengan pengajian lanjutan serta penyelidikan dalam perubatan dengan tujuan untuk memperbaiki lagi rawatan pesakit serta perkhidmatan perubatan di dalam negara.

Pindaan tujuan.

5. Majlis boleh meminda tujuan-tujuan Institut yang dinyatakan dalam fasal 4.

Lembaga Institut.

6. (1) Hendaklah ada Lembaga Institut yang terdiri daripada -
- (a) Naib Canselor;

- (b) Dekan, yang akan menjadi Pengerusi;
 - (c) Timbalan Dekan;
 - (d) profesor dan profesor madya sepuh masa Institut, tetapi tidak termasuk kakitangan pelawat dari gred-gred tersebut;
 - (e) pensyarah dan pensyarah kanan sepuh masa Institut yang disahkan dalam jawatan mereka, tetapi tidak termasuk kakitangan pelawat dari gred-gred tersebut; dan
 - (f) orang-orang lain, yang dilantik atas nama atau jawatan, sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Senat, yang akan memegang jawatan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Senat.
- (2) Pendaftar dan Setiausaha atau timbalannya hendaklah menjadi setiausaha kepada Lembaga.
- (3) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setiap semester.
- (4) Masa, tarikh, tempat dan agenda mesyuarat hendaklah ditentukan oleh Pengerusi.
- (5) Semasa ketiadaan atau ketiadaupayaan Pengerusi dalam mana-mana mesyuarat atau sebahagian mesyuarat, Timbalan Dekan, jika suatu perlantikan telah dibuat, hendaklah mempengerusikan mesyuarat tersebut:
- Dengan syarat bahawa semasa ketiadaan atau ketiadaupayaan kedua-dua Pengerusi dan Timbalan Dekan, atau jika perlantikan Timbalan Dekan tidak dibuat, maka ahli-ahli yang menghadiri mesyuarat tersebut hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka sendiri untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut.
- (6) Keputusan Lembaga adalah secara majoriti kecil ahli-ahli yang hadir dan mengundi, dan mana-mana keputusan hendaklah sah walaupun terdapat kekosongan di kalangan ahli-ahlinya.

(7) Pengurus atau orang lain yang mempengerusikan mana-mana mesyuarat hendaklah mempunyai undi asal dan undi pemutus.

(8) Korum bagi mana-mana mesyuarat hendaklah separuh dari jumlah keseluruhan ahli, mana-mana bilangan pecahan yang tinggal tidak akan diambil kira.

(9) Minit-minit mesyuarat hendaklah dihadapkan kepada Senat.

Tugas-tugas Lembaga.

7. Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Senat untuk mengeiola dan menjalankan pengajaran serta penyelidikan dalam perubatan di bawah skopnya dan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh Statut atau peraturan-peraturan, termasuk tanggungjawab -

- (a) untuk merumuskan dasar pengajaran dan penyelidikan, rancangan serta program yang strategik dalam perubatan;
- (b) untuk meneliti dan mengesyorkan kepada Senat dan Majlis dasar, rancangan dan program Institut bagi pengajaran dan pendidikan berterusan serta penyelidikan dalam perubatan;
- (c) untuk menghadapkan kepada Senat dan Majlis pada setiap akhir tahun akademik laporan tahunan mengenai kemajuan, pencapaian dan aktiviti-aktiviti Institut;
- (d) untuk melantik orang-orang yang sesuai dan berkelayakan dalam perubatan dari luar Universiti sebagai Fellow Kehormat Institut untuk membantu dalam perancangan, pengelolaan dan perjalanan program-program dan aktiviti-aktiviti Institut;
- (e) untuk menggalakkan perhubungan dan membuat perjanjian penggabungan dengan institusi-institusi perubatan di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam bagi mencapai dasar-dasar pendidikan dan penyelidikan Institut dan untuk meningkatkan reputasi dan taraf Institut;
- (f) untuk melakukan segala perbuatan dan perkara sebagaimana yang mungkin diperlukan bagi melanjutkan pendidikan berterusan dan penyelidikan dalam perubatan di Negara Brunei Darussalam;

(g) untuk mematuhi dan melaksanakan apa-apa arahan, sama ada arahan yang bersifat khusus atau am, sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Majlis, Senat atau Naib Canselor.

Dekan Institut.

8. Hendaklah ada seorang Dekan Institut yang dilantik di bawah bab 19 dari Perlembagaan yang akan bertanggungjawab kepada Naib Canselor dan yang akan -

- (a) bertanggungjawab bagi pentadbiran Institut menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan, statut dan peraturan-peraturan Universiti dan apa-apa arahan sebagaimana yang mungkin dikeluarkan oleh Majlis, Senat atau Naib Canselor;
- (b) bertanggungjawab bagi pengelolaan pengajaran, matapelajaran-matapelajaran atau program-program yang termasuk di bawah skop Institut;
- (c) mentafsirkan dan memastikan supaya dasar-dasar dan arahan-arahan Majlis, Senat, Lembaga atau Naib Canselor, mengikut mana yang berkenaan, dipatuhi;
- (d) menyediakan anggaran hasil dan perbelanjaan tahunan Institut untuk dihadapkan kepada Naib Canselor;
- (e) menjalankan kuasa-kuasa lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya dan hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan lain sebagaimana yang mungkin dikenakan ke atasnya oleh Majlis, Senat, Lembaga atau Naib Canselor atau oleh mana-mana statut atau peraturan.

Timbalan Dekan Institut.

9. (1) Naib Canselor boleh melantik seorang atau lebih dari seorang Timbalan Dekan di bawah bab 19 dari Perlembagaan daripada kalangan kakitangan sepenuh masa Universiti.

(2) Kewajipan-kewajipan Timbalan Dekan adalah untuk membantu Dekan dalam pentadbiran Institut dan untuk menunaikan kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab sebagaimana yang mungkin diwakilkan kepadanya oleh Dekan.

Penasihat Perubatan Kehormat.

10. (1) Hendaklah ada panel penasihat perubatan kehormat yang dilantik oleh Lembaga, yang terdiri daripada orang-orang yang berkelayakan dalam bidang perubatan dari dalam Negara Brunei Darussalam dan dari institusi-institusi perubatan pilihan yang ternama di peringkat antarabangsa di luar Negara Brunei Darussalam.

(2) Penasihat-penasihat perubatan kehormat boleh diminta -

- (a) untuk memberi bantuan dan panduan mengenai penempatan doktor-doktor dari Negara Brunei Darussalam bagi latihan lepasan ijazah di negara-negara luar, jika berkenaan;
- (b) untuk menasihati dan membantu Institut dalam mengadakan program-program berkembar bagi latihan lepasan ijazah;
- (c) untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat di Negara Brunei Darussalam, sebagaimana dan bilamana diperlukan, bagi membincangkan dan merancang program-program latihan lepasan ijazah di Negara Brunei Darussalam.

(3) Penasihat-penasihat perubatan kehormat hendaklah memegang jawatan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Jamadilakhir Tahun Hijrah 1422
bersamaan dengan 5 haribulan September 2001.



CANSelor,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.